

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Lembaran Pendedahan Produk

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum Anda membeli A-Z Protect (ini adalah produk insurans). Sila memastikan Anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat umum.)

Institusi Kewangan	: Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Kami")
Nama Produk	: A-Z Protect

1. Produk ini berkenaan apa?

Ini adalah satu produk insurans hayat individu tanpa penyertaan yang boleh diperbaharui setiap tahun. Produk ini memberi manfaat perlindungan terhadap kematian, kematian akibat Kemalangan, Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (HUKM), HUKM akibat Kemalangan dan kematian akibat Demam Denggi atau Jangkitan COVID-19. Di samping itu, produk ini juga memberi Manfaat Tunai Hospital sekiranya berlakunya Penghospitalan akibat Kemalangan, Demam Denggi atau Jangkitan COVID-19.

2. Apakah pelan/manfaat yang boleh didapati?

(i) Polisi ini merangkumi:

Bahagian	Manfaat	Jumlah Manfaat (RM) ⁵		
		Pelan 1 (Umur permohonan: 18- 40)	Pelan 2 (Umur permohonan: 41- 50)	Pelan 3 (Umur permohonan: 51- 60)
A	Manfaat Kematian / HUKM ¹	8,000	5,000	3,000
B	Manfaat Tambahan untuk: <ul style="list-style-type: none"> Kematian akibat Kemalangan; atau HUKM akibat Kemalangan; atau Kematian akibat Demam Denggi²; atau Kematian akibat Jangkitan COVID-19^{2,3} 	25,000	15,000	10,000
C	Manfaat Tunai Hospital untuk Penghospitalan akibat: <ul style="list-style-type: none"> Kemalangan⁴; atau Demam Denggi^{2,4}; atau Jangkitan COVID-19^{2,3,4} 	70/sehari	60/sehari	50/sehari

Nota:

¹ Sekiranya kematian atau HUKM (kecuali seperti yang terkandung dalam bahagian B) berlaku dalam tempoh enam (6) bulan pertama dari Tarikh Terbitan, jumlah manfaat yang akan dibayar adalah terhad kepada Premium yang telah dibayar. Sekiranya kematian akibat Demam Denggi atau Jangkitan COVID-19 berlaku dalam Tempoh Menunggu, jumlah manfaat yang akan dibayar adalah terhad kepada Premium yang telah dibayar dan tiada lagi manfaat akan dibayar di bawah bahagian B.

² Tertakluk kepada Tempoh Menunggu.

³ Kami berhak untuk menghentikan atau menggantikan manfaat ini dengan memberi Anda sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis bertulis terlebih dahulu dan sebarang perubahan akan berkuatkuasa pada Ulang Tahun Polisi yang seterusnya.

⁴ Tertakluk kepada had sepuluh (10) hari secara keseluruhan bagi setiap Tahun Polisi untuk Manfaat Tunai Hospital bagi Penghospitalan akibat Kemalangan, Demam Denggi dan Jangkitan COVID-19.

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

⁵ Setiap pelan dikhaskan untuk kumpulan umur masing-masing sahaja pada peringkat permohonan. Contoh: Jika umur Anda 49 tahun, Anda hanya boleh memilih Pelan 2.

Jumlah manfaat yang perlu dibayar terhadap kematian, kematian akibat Kemalangan, HUKM, HUKM akibat Kemalangan dan kematian akibat Demam Denggi atau Jangkitan COVID-19 yang dinyatakan di atas, di bawah semua sijil insurans POS LifeCare dan/ atau polisi A-Z Protect yang dikeluarkan oleh Kami atas satu (1) hayat tidak boleh melebihi seratus ribu Ringgit Malaysia (RM100,000.00). Sekiranya manfaat Polisi ini yang tersebut di atas tidak dibayar disebabkan oleh jumlah agregat manfaat yang perlu dibayar di bawah semua sijil insurans POS LifeCare dan/ atau polisi A-Z Protect melebihi seratus ribu Ringgit Malaysia (RM100,000.00) setiap hayat, Premium yang telah Anda bayar untuk Polisi ini akan dikembalikan kepada Anda. Selepas itu, Polisi ini akan ditamatkan.

- (ii) Tempoh perlindungan pelan ini adalah sehingga Ulang Tahun Polisi apabila Anda mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun (hari jadi terdekat) atau sehingga penamatan tempoh perlindungan, yang mana terdahulu.

3. Berapakah Premium yang saya perlu bayar?

Premium yang Anda perlu bayar adalah mengikut pelan yang Anda telah beli dan bergantung kepada umur Anda pada masa pembelian atau pembaharuan seperti berikut:

Umur Tercapai (Hari Jadi Terdekat)	Premium Tahunan (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
18 – 40	80		
41 – 50	120*	80	
51 – 60	180*	120*	80
61 – 70	360*	240*	160*

Nota:

*Kadar ini adalah untuk pembaharuan sahaja.

Premium pembaharuan adalah tidak terjamin dan akan meningkat berdasarkan umur Anda semasa pembaharuan. Kami berhak mengubah kadar Premium dengan memberi Anda notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu.

Anda boleh menukar kekerapan bayaran Premium Anda dengan memberikan Kami notis bertulis, tertakluk kepada kelulusan Kami dan terma-terma dan syarat-syarat Polisi ini. Anda boleh membayar Premium Anda dengan kad kredit/debit, tunai atau kaedah pembayaran lain yang disediakan oleh Kami.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Komisen yang dicaj daripada Premium Anda adalah 10%.

Jumlah komisen yang dicaj adalah seperti berikut:

Umur Tercapai (Hari Jadi Terdekat)	Komisen (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
18 – 40	8		
41 – 50	12*	8	
51 – 60	18*	12*	8
61 – 70	36*	24*	16*

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

*Komisen yang dicaj daripada Premium pembaharuan.

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- (i) **Keperluan Pendedahan** – Anda mesti menyatakan semua fakta penting dan menyatakan umur Anda dengan betul.
- (ii) **Tempoh Penangguhan** – Anda diberikan Tempoh Penangguhan selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh perlu bayar untuk membayar Premium Anda dan dalam tempoh itu, Polisi ini masih lagi berkuatkuasa. Sekiranya Premium masih belum dibayar pada akhir Tempoh Penangguhan, Polisi ini akan luput dan perlindungan insurans akan tamat.
- (iii) **Tempoh Percubaan** – Anda berhak untuk membatalkan Polisi Anda dengan mengemukakan notis bertulis yang ditandatangani oleh Anda dan mengembalikan Polisi kepada Kami dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Polisi oleh Anda. Premium yang Anda telah bayar akan dikembalikan kepada Anda. Jika Anda membatalkan Polisi selepas tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan Polisi Anda, Polisi tersebut akan ditamatkan pada tarikh perlu bayar Premium yang seterusnya tanpa sebarang pengembalian Premium yang telah dibayar. Produk ini bukan pelan simpanan dan oleh itu tidak mempunyai nilai tunai selepas pembatalan atau penamatan Polisi ini.
- (iv) **Tempoh Menunggu** – Kami tidak akan membayar Manfaat Tambahan untuk kematian akibat Demam Denggi atau Jangkitan COVID-19 dan Manfaat Tunai Hospital untuk Penghospitulan akibat Demam Denggi dan Jangkitan COVID-19 yang berlaku dalam tempoh empat belas (14) dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula atau tarikh berkuatkuasa penukaran pelan, yang mana berkenaan (“Tempoh Menunggu”). Walau bagaimanapun, sekiranya kematian akibat Demam Denggi atau Jangkitan COVID-19 berlaku dalam Tempoh Menunggu, Manfaat Kematian masih akan dibayar tetapi tertakluk kepada Premium yang telah dibayar sahaja. Jika pelan dinaiktaraf, Tempoh Menunggu dan had terhadap manfaat yang akan dibayar dalam tempoh enam (6) bulan yang dinyatakan di perkara 2(a) akan digunapakai semula dari tarikh berkuatkuasa penukaran pelan, manakala Tempoh Menunggu dan had terhadap manfaat sedemikian tidak akan digunapakai terhadap pelan yang diturunkan. Jika kejadian yang membolehkan tuntutan dibuat berlaku dalam Tempoh Menunggu lanjutan pelan dinaiktaraf, manfaat yang akan dibayar di bawah Polisi ini tidak akan melebihi had manfaat yang terpakai sebelum tarikh berkuatkuasa penukaran pelan.
- (v) **Pembaharuan** – Anda akan dimaklumi melalui e-mel, SMS atau surat tentang pembaharuan Polisi sebelum Ulang Tahun Polisi yang seterusnya. Jika Anda bersetuju untuk memperbaharui Polisi Anda, Anda boleh membayar Premium pembaharuan di mana-mana cawangan Kami atau melalui portal pelanggan Kami. Tempoh Menunggu dan had terhadap manfaat yang akan dibayar dalam tempoh enam (6) bulan yang dinyatakan di perkara 2(a) di atas tidak akan terpakai untuk pembaharuan Polisi.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap bagi Polisi ini.

6. Apakah pengecualian di bawah Polisi ini?

- a) Polisi ini tidak akan melindungi sebarang kematian akibat bunuh diri yang berlaku dalam masa dua belas (12) bulan dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Pengembalian Semula, yang mana terkemudian. Jika kematian akibat bunuh diri dalam masa dua belas (12) bulan, Polisi ini akan

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

menjadi tidak sah dan Kami akan memulangkan Premium yang telah dibayar tanpa faedah di bawah Polisi ini.

- b) Polisi ini tidak akan membayar manfaat untuk sebarang kematian akibat Kemalangan dan Manfaat Tunai Hospital untuk Penghospitalan akibat Kemalangan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, oleh mana-mana kejadian yang berikut:
- (i) Serangan atau pembunuhan Orang yang Diinsuranskan akibat pelanggaran atau percubaan untuk melanggar undang-undang ;
 - (ii) Pelanggaran atau percubaan pelanggaran undang-undang atau menentang penangkapan yang sah;
 - (iii) Percubaan membunuh diri, kecederaan tubuh badan sendiri yang disengajakan, kelakuan tidak senonoh Orang yang Diinsuranskan;
 - (iv) Pendedahan diri Orang yang Diinsuranskan kepada keadaan bahaya yang tidak sepatutnya secara sengaja atau terlibat dalam apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang, tanpa mengambil kira siuman atau tidak siuman;
 - (v) Peristiwa Kemalangan yang secara langsung ataupun tidak langsung berkaitan dengan pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, nuklear atau bahan senjata biologi atau kimia;
 - (vi) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada diisytiharkan peperangan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau rampasan kuasa tentera;
 - (vii) Orang yang Diinsuranskan mengambil bahagian atau terlibat secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang mogok, rusuhan, kekecohan awam atau aktiviti pengganas;
 - (viii) Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Tubuh Badan ketika di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah kecuali ianya diambil selaras dengan preskripsi yang diberikan oleh Doktor;
 - (ix) Aktiviti-aktiviti yang bersifat ketenteraan apabila terlibat dalam perkhidmatan ketenteraan;
 - (x) Keracunan makanan atau jangkitan bakteria (melainkan jangkitan bakteria yang menghasilkan nanah diakibatkan oleh luka atau luka kecil yang tidak disengajakan);
 - (xi) Penyedutan atau pengambilan racun, gas atau wasap bisa dengan sengaja atau secara cuai;
 - (xii) Perubatan atau pembedahan yang diperlukan akibat Kemalangan yang berpunca daripada peristiwa-peristiwa yang dikecualikan di bawah perkara-perkara (i) sehingga (xi) yang tersebut di atas;
 - (xiii) Perubatan atau pembedahan yang tidak diperlukan akibat Kemalangan;
 - (xiv) Orang yang Diinsuranskan terlibat atau mengambil bahagian dalam:
 - a. melakukan penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
 - b. perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan sementara di bawah arahan bagi operasi serupa peperangan atau pengembalian ketenteraman awam;
 - c. aktiviti-aktiviti termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan dengan kenderaan beroda atau kuda, sebarang aktiviti dalam air, pendakian gunung atau panjat tebing, penerokaan dalam gua, terjun payung, terjun udara, luncuh udara (hang-gilding, gliding, para-gliding, micro-lighting), menaiki belon udara, lompat bungee, sukan musim sejuk, memburu ketika menunggang kuda atau terlibat dalam mana-mana jenis perlumbaan atau pergaduhan atau sukan profesional secara pepaduan atau penunggangan;
 - d. memasuki, keluar daripada, mengendalikan, atau menservis, atau diangkut melalui mana-mana alat atau pengangkut udara melainkan apabila Orang yang

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Diinsuranskan adalah penumpang di dalam penerbangan penumpang komersial mengikut jadual perjalanan penumpang yang tetap di atas laluan penumpang yang lama wujud atau apabila Orang yang Diinsuranskan adalah juruterbang berlesen atau anggota anak kapal yang menjalankan tugas selaras dengan pekerjaan beliau bersama dengan penerbangan komersial tersebut.

- c) Polisi ini tidak akan membayar manfaat untuk sebarang HUKM sama ada akibat Kemalangan atau tidak, secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, akibat sebarang kejadian di bawah:
- (i) Percubaan membunuh diri, kecederaan tubuh badan sendiri yang disengajakan, kelakuan tidak senonoh Orang yang Diinsuranskan;
 - (ii) Pendedahan diri Orang yang Diinsuranskan kepada keadaan bahaya yang tidak sepatutnya secara sengaja atau terlibat dalam apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang, tanpa mengambil kira siuman atau tidak siuman;
 - (iii) Peristiwa kemalangan yang secara langsung ataupun tidak langsung berkaitan dengan pengionan, sinaran atau pencemaran oleh keradioaktifan, nuklear atau bahan senjata biologi atau kimia;
 - (iv) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada diisytiharkan peperangan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau rampasan kuasa tentera;
 - (v) Orang yang Diinsuranskan mengambil bahagian atau terlibat secara langsung atau tidak langsung, dalam sebarang mogok, rusuhan, kekecohan awam atau aktiviti penganas;
 - (vi) Orang yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Tubuh Badan ketika di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah kecuali ianya diambil selaras dengan preskripsi yang diberikan oleh Doktor;
 - (vii) Jangkitan oportunistik atau neoplasma malignan, sekiranya pada masa Hilang Upaya, Orang yang Diinsuranskan mempunyai Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan. Jangkitan oportunistik termasuk tetapi tidak terhad kepada pneumonia *Pneumocystis carini*, organisma enteritis kronik, virus dan/atau jangkitan diseminasi fungus. Neoplasma malignan termasuk tetapi tidak terhad kepada sarkoma Kaposi, limfoma sistem pusat nervus, leukaemia hairy-cell dan/atau malignan lain yang diketahui sekarang atau akan diketahui sebagai penyebab langsung Hilang Upaya dengan kewujudan Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan;
 - (viii) Keadaan Sedia Ada, sama ada didedahkan kepada Kami atau tidak;
 - (ix) Apa-apa kecacatan kongenital yang dialami atau didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun;
 - (x) Akibat wabak penyakit atau penyakit berjangkit yang memerlukan pengasingan atau kuarantin dari segi undang-undang;
 - (xi) Orang yang Diinsuranskan terlibat atau mengambil bahagian dalam:
 - a. melakukan penangkapan sebagai pegawai undang-undang;
 - b. perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan sementara di bawah arahan bagi operasi serupa peperangan atau pengembalian ketenteraman awam;
 - c. aktiviti-aktiviti termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan dengan kenderaan beroda atau kuda, sebarang aktiviti dalam air, pendakian gunung atau panjat tebing, penerokaan dalam gua, terjun payung, terjun udara, luncuh udara (hang-gilding, gliding, para-gliding, micro-lighting), menaiki belon udara, lompat bungee, sukan musim sejuk, memburu ketika menunggang kuda atau terlibat dalam mana-mana jenis perlumbaan atau pergaduhan atau sukan profesional secara pepaduan atau penunggangan;

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

- d. memasuki, keluar daripada, mengendali, atau menservis, atau diangkut melalui mana-mana alat atau pengangkut udara (melainkan apabila Orang yang Diinsuranskan adalah penumpang di dalam penerbangan penumpang komersial mengikut jadual perjalanan penumpang yang tetap di atas laluan penumpang yang lama wujud atau apabila Orang yang Diinsuranskan adalah juruterbang berlesen atau anggota anak kapal yang menjalankan tugas selaras dengan pekerjaan beliau bersama dengan penerbangan komersial tersebut).

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kepada Kontrak Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap bagi Polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Jika Anda mendapati Polisi ini tidak lagi sesuai, Anda boleh membatalkannya dengan memberikan Kami notis bertulis yang ditandatangani oleh Anda dan hantar emel kepada Kami di customer.service@allianz.com.my atau hantar ke mana-mana cawangan Kami. Produk ini bukan pelan simpanan dan oleh itu tidak mempunyai nilai tunai selepas pembatalan atau penamatan Polisi ini.

8. Apakah yang perlu saya buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?

Ianya adalah penting untuk Anda menghubungi Kami untuk mengemaskini maklumat perhubungan terbaru Anda termasuk alamat rumah Anda atau penama dan/atau Pemegang Amanah Anda bagi memastikan surat-menyurat dapat disampaikan kepada Anda atau penama dan/atau Pemegang Amanah Anda dengan segera.

9. Bagaimanakah saya boleh membuat tuntutan?

Anda atau wakil Anda mesti menyerahkan tuntutan Anda kepada Kami bersama dengan dokumen sokongan yang lengkap kepada mana-mana cawangan Kami atau melalui emel kepada Kami di customer.service@allianz.com.my dengan secepat mungkin selepas peristiwa tuntutan. Sebarang kelewatan berbuat demikian boleh menjejaskan penilaian tuntutan Kami. Tuntutan akan dibayar dalam tempoh lima (5) hari bekerja (untuk tuntutan kematian) dan tujuh (7) hari bekerja (untuk tuntutan bukan kematian) setelah Kami menerima dokumen sokongan lengkap seperti yang diperlukan.

Senarai dokumen yang diperlukan untuk tujuan tuntutan:

- a) Tuntutan kematian
 - i) Kenyataan pihak menuntut
 - ii) Salinan kad pengenalan / passport pihak menuntut
 - iii) Bukti perhubungan antara pihak menuntut dan Orang yang Diinsuranskan
 - iv) Salinan sijil kematian*
 - v) Surat Kuasa Mentadbir / Geran Probet (jika tiada penamaan dibuat sebelum kematian Orang yang Diinsuranskan)*
- b) Tuntutan HUKM
 - i) Kenyataan pihak menuntut
 - ii) Salinan kad pengenalan / passport pihak menuntut
 - iii) Borang kebenaran e-bayaran
 - iv) Penyata doktor yang merawat (laporan perubatan)
 - v) Laporan diagnostik termasuk keputusan pengimejan, makmal, dan biopsi
- c) Tuntutan Manfaat Tunai Hospital
 - i) Kenyataan pihak menuntut
 - ii) Salinan kad pengenalan / passport pihak menuntut
 - iii) Borang kebenaran e-bayaran

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

- iv) Laporan perubatan/ ringkasan pelepasan
- v) Bil terperinci Penghospitalan pesakit dalam
- vi) Laporan diagnostik (jika ada)

*salinan yang disahkan benar oleh Pihak Berkuasa Pengeluar, Pengurus/Kakitangan Cawangan Allianz, Pesuruhjaya Sumpah atau Peguambela & Peguamcara.

Notis Penting:

Kami berhak untuk mengenakan lebih banyak syarat keperluan untuk membantu penilaian tuntutan Kami.

Kami berhak untuk memerlukan sebarang dokumen tambahan untuk mengesahkan penilaian tuntutan Kami. Jika Anda atau pihak penuntut Anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang proses tuntutan atau status tuntutan, sila hubungi Kami secara terus atau Anda boleh melayari www.allianz.com.my untuk mendapatkan panduan tuntutan terperinci.

10. Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan, sila rujuk kepada buku insurans yang berkaitan yang boleh didapati di semua cawangan Kami.

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)

(dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A

Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Customer Contact Center : 1 300 22 5542

Emel : customer.service@allianz.com.my

11. Perlindungan lain yang serupa dengan pelan ini ditawarkan?

Sila hubungi Kami sekiranya Anda berminat untuk mengetahui tentang jenis perlindungan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

NOTIS PENTING:

ANDA MESTI MEMILIH JENIS PELAN YANG SESUAI DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN MEMBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Notis Penting Lain:

1. Anda harus memuaskan Anda bahawa Polisi ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan Anda dan Premium yang dibayar untuk Polisi ini adalah jumlah yang Anda mampu bayar.

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Dilisenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

2. Jika Anda adalah Orang yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini, Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama untuk Polisi Anda dan memastikan penama menyedari Polisi yang Anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan akan menanggunghkan pembayaran wang Polisi kepada pewaris Anda. Anda boleh muat turun borang penamaan dari laman web Kami di <https://www.allianz.com.my/personal.html> atau portal MyAllianz atau mendapatkannya dari mana-mana cawangan Kami. Borang penamaan fizikal mesti diisi dengan lengkap dan ditandatangani oleh Anda dengan sewajarnya dan mesti disaksi oleh seorang yang sudah mencapai umur 18 tahun dan bukan penama yang dinamakan dalam borang penamaan dan mesti diserahkan kepada mana-mana cawangan Kami untuk Kami mengeluarkan Pengendorsan Kami bagi Polisi Anda.
3. Perlindungan insurans ini hanya berkuatkuasa dari Tarikh Terbitan atau Tarikh Polisi, yang mana terkemudian.
4. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran Premium.
5. Jangka masa standard yang diperlukan oleh Kami untuk mengeluarkan Polisi adalah enam (6) hari bekerja daripada tarikh penyerahan Borang Permohonan dengan syarat dokumen yang lengkap diterima dengan pembayaran dan Kami berpuas hati bahawa penyiasatan selanjutnya tidak diperlukan.
6. Penggantian Polisi sedia ada dengan Polisi yang baru tidak semestinya membawa manfaat. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat daripada syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
7. Pelan ini mungkin memenuhi syarat untuk pelepasan cukai tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri.
8. Lembaran Pendedahan Produk ini bukan satu kontrak insurans. Penerangan bagi perlindungan yang diliputi hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat komprehensif yang terpakai adalah dinyatakan di dalam Kontrak Polisi.
9. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada Premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Kontrak Polisi mengenai pembayaran Premium dan keingkaran akan turut digunapakai terhadap Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah sah setakat Tarikh Terbitan Polisi ini.